

Daging: Yang bimbang jangan makan - Dr. M

KUALA LUMPUR 26 Ogos — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad — menasihatkan orang Islam yang waswas tentang daging lembu dan kambing diimport supaya jangan memakannya kerana kerajaan tidak dapat menjamin kesemua daging itu adalah halal.

Beliau berkata jaminan yang diperolehi sama ada daging itu halal atau haram adalah menerusi kepastian seseorang — pengimport dan penjualnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan pameran perdagangan Malaysia anjuran Persekutuan Pekilang Malaysia (FMM) di Changkat Pavilion di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan dan

Perindustrian telah diminta mengulas laporan akhbar bahawa kebanyakan daging lembu dan kambing yang diimport serta ayam yang dijual di pasaraya-pasaraya adalah tidak halal.

Di samping itu terdapat juga daging-daging yang dijual tidak disembelih oleh orang Islam dan dijual sebagai daging halal.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengemukakan contoh sekati daging yang diletakkan tanda halal dan dijamin oleh penjualnya sebagai halal.

"Kita masih tidak boleh menastikan masa sebelum daging itu sampai ke tangan penjual itu. Daging itu mungkin dipotong oleh seorang bangsa asing yang baru saja memakan daging babi dan belum membasuh tangannya," katanya.

Menyentuh mengenai

tenaga penguatkuasa bahagian penguatkuasa kementeriannya, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu jumlahnya adalah lebih daripada cukup.

"Tetapi sebanyak manapun kita meletakkan pegawai-pegawai ini soal daging haram tidak akan lenyap juga," katanya.

Oleh beliau diberitahu lagi, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak dapat menangkap mereka yang menjual tanpa maklumat dari orangramai.